



# PROCEEDINGS OF ILCC 2013

INTERNATIONAL LANGUAGE  
FOR COMMUNICATION  
CONFERENCE 2013  
(ILCC 2013)



"Engaging Global Community: Breaking  
the barriers to effective communication"

23<sup>rd</sup> – 25<sup>th</sup> AUGUST 2013

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA



IIUM PRESS

# PROCEEDING OF ILCC 2013

## INTERNATIONAL LANGUAGE FOR COMMUNICATION CONFERENCE 2013

Engaging Global Community: Breaking the barriers  
to effective communication

**23<sup>rd</sup> – 25<sup>th</sup> August 2013**

***First published 2013***

**Disclaimer :** The organizer of ILCC 2013 is not responsible or liable  
for any mistake and opinion presented in this proceeding.

**e-ISBN: 978-967-418-297-7**

e-ISBN 978-967-418-297-7



**Organiser :**

Kulliyyah of Languages and Management (KLM),  
International Islamic University Malaysia (IIUM)

**Published by :**

IIUM Press

International Islamic University Malaysia

# **Analisis Kesalahan Umum Struktur Ayat Majmuk oleh Pelajar Asing**

Oleh:

**Arina Johari**

*arinajr@iium.edu.my*

**Mohd. Zuber Ismail**

*Zuber77@iium.edu.my*

*Divisyen Bahasa Melayu*

*Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Pra-Universiti*

*Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)*

## **Ayat Majmuk**

Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, ayat majmuk ialah ayat yang dibina dengan menca ntumkan dua ayat tunggal atau lebih, dan percantuman ayat-ayat itu disusun mengikut cara tertentu sehingga menjadikannya ayat baharu. Terdapat tiga jenis ayat majmuk, iaitu ayat majmuk gabungan , ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran.<sup>1</sup> Menurut Abdullah Hassan (2003), kebanyak an ayat yang diucapkan dan dituliskan terdiri daripada jenis ayat majmuk. Penyataan ini jelas menu njukkan bahawa penggunaan ayat majmuk adalah sangat meluas dalam bahasa Melayu, tidak kira sa ma ada dalam pertuturan harian, formal maupun penulisan.

Ayat majmuk gabungan adalah ayat yang terdiri daripada dua ayat atau lebih yang disatukan dengan cara menggabungkan atau mencantumkan ayat-ayat tersebut dengan kata hubung seperti dan, atau, tetapi, dan sebagainya. Abdullah Hassan (2003) membahagikan ayat majmuk gabungan kepada dua jenis; gabungan ber susun dan gabungan bertentangan.

Manakala ayat majmuk pancangan merupakan ayat yang dibentuk oleh klausa yang tidak setara . Ini bermakna dalam ayat berkenaan terdapat satu klausa bebas atau ayat utama, dan satu atau lebih klausa tak bebas atau ayat kecil. Ayat majmuk pancangan ini pula terbahagi kepada tiga jenis; ayat majmuk relatif, ayat majmuk komplemen dan ayat majmuk keterangan.<sup>2</sup>

Ada ayat majmuk terdiri daripada beberapa ayat yang kedudukan antara ayat itu tidak sama. Dalam ayat majmuk gabungan terdapat dua ayat atau lebih yang bersifat sama taraf, yakni masing-masing dapat berdiri sendiri. Sebaliknya, dalam ayat majmuk pancangan terdapat satu ayat utama atau ayat induk dan satu atau beberapa ayat kecil lain yang dipancangkan di dalam ayat induk dan menjadi sebahagian daripada ayat induk.

Abdullah Hassan (2006) mendefinisikan ayat majmuk campuran sebagai hasil gabungan ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Abdullah Hassan, Seri Lanang Jaya Rohani, Razali Ayob, Zulkifli Osman. 2006. Sintaksis: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. hlm. 46.

<sup>2</sup> Abdullah Hassan. 2003. Tatabahasa Bahasa Melayu: Morfologi dan Sintaksis untuk Guru dan Pelajar. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd. hlm. 309.

<sup>3</sup> Abdullah Hassan, Seri Lanang Jaya Rohani, Razali Ayob, Zulkifli Osman. 2006. Sintaksis: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. hlm. 47.

Contoh-contoh ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran adalah seperti berikut:

1) Ayat majmuk gabungan

- Sanah, Milah, Jenab, Semek, Liah, Lebar, **dan** Kiah berada di tanah bermain masak- masak nasi pasir dan periuk tempurung.

2) Ayat majmuk pancangan

2.1) Ayat majmuk relatif

- Rumah **yang** baru dibina itu sudah dijual.

2.2) Ayat majmuk komplemen

- Dia mengetahui **bahawa** Ahmad telah bersara.

2.3) Ayat majmuk keterangan

- Anak itu menangis **kerana ia lapar**.

3) Ayat majmuk campuran

- **Gadis itu mengalihkan baldinya yang satu lagi bagi menempatkan baldi kecil kanak-kanak itu.**

Berdasarkan definisi ayat majmuk di atas, maka jelaslah bahawa ayat majmuk merupakan struktur ayat paling kompleks yang sering digunakan dalam penulisan bagi penyampaian sesuatu idea dengan lebih berkesan. Kesalahan dan kesilapan dalam penggunaan bentuk ayat majmuk akan menjelaskan makna sesuatu ayat yang diungkapkan. Maka, kajian ini akan meneliti dan mengkaji keseluruhan aspek kesalahan dalam penggunaan ayat majmuk oleh pelajar asing di UIAM dalam penulisan esei mereka.

## Kajian Literatur

Awang Sariyan (1980) mengatakan bahawa kesalahan bahasa tulisan pelajar berkisar dari masalah kesalahan ejaan hingga kepada masalah morfologi (kata) dan sintaksis (ayat).<sup>4</sup> Oleh itu, untuk menganalisis kesalahan penggunaan ayat majmuk dalam kalangan pelajar asing, satu kajian analisis data dari aspek sintaksis perlu dilakukan. Kajian sintaksis ini dapat menghuraikan peraturan dalam penggunaan tatabahasa yang betul untuk mengungkapkan idea-idea khusus dan tertentu dalam sesuatu bahasa. Namun begitu, hakikat yang perlu diterima oleh pengkaji ialah, terdapat banyak kajian mengenai aspek ini dilakukan untuk melihat kesalahan dalam pemerolehan bahasa pertama (B1) o

<sup>4</sup> Awang Sariyan. 1980. Pencemaran Bahasa dari Perspektif Budaya. Dewan Masyarakat, jil. 18, bil. 3, hlm. 3-4.

leh penutur jati dan pemerolehan bahasa kedua (B2) oleh penutur asing yang tinggal di Malaysia iaitu kaum Cina dan India, tetapi belum ada kajian dilakukan terhadap penutur asing yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing atau pemerolehan bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga (B3) setakat ini. Maka, sorotan kajian ini akan mengambil contoh-contoh kajian terhampir yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji luar dan tempatan terhadap kesalahan ayat majmuk yang dilakukan oleh pelajar tempatan dan pelajar asing dalam karangan mereka.

### **Kajian Luar Negara mengenai analisis kesalahan ayat**

Corder (1973) mengkategorikan empat kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua, iaitu pengguguran unsur-unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu atau tidak tepat, pemilihan unsur yang tidak tepat dan penyusunan unsur yang salah. Walau bagaimanapun, Corder mengatakan bahawa kategori-kategori tersebut belum mencukupi untuk menjelaskan kesalahan-kesalahan bahasa yang berlaku dan beliau akhirnya telah menyertakan kesalahan bagi peringkat-peringkat linguistik seperti morfologi, sintaksis dan leksikon.

Selain itu, Wyatt (1973) telah menjalankan satu kajian tentang analisis kesalahan dalam karangan yang dihasilkan oleh pelajar 4C di Afrika Timur. Alat kajiannya ialah 52 buah buku karangan yang ditulis oleh pelajar sejak mereka Tingkatan Tiga. Sebanyak 14 jenis kesalahan telah ditinjau dan dikira kekerapannya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesalahan ejaan adalah yang paling tinggi iaitu 18.4%, manakala kesalahan struktur ayat (16.6%), penggunaan kata nama dan kata kerja masing-masing berjumlah 16.0%.

Hoh (1973) telah menganalisis tujuh jenis kesalahan bahasa berdasarkan karangan yang ditulis oleh pelajar prauniversiti aliran Cina di Singapura. Hasil kajian mendapati bahawa daripada 4813 kesalahan, terdapat 1188 kesalahan penggunaan kata kerja, 767 kesalahan ejaan, 694 kesalahan kata nama bilangan, 656 kesalahan leksikal, 634 kesalahan fungsi kata, 463 kesalahan struktur ayat dan 411 kesalahan artikel.

Schacter (1974: 205-214) telah membuat kajian tentang analisis kesalahan, khususnya untuk kesalahan yang disebabkan oleh pemindahan bahasa. Schacter menganalisis beberapa buah karangan yang ditulis oleh dua kumpulan pelajar dewasa yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kumpulan yang pertama terdiri daripada penutur jati bahasa Parsi dan bahasa Arab. Kumpulan kedua pula terdiri daripada penutur jati bahasa Cina dan bahasa Jepun. Bahasa Cina dan bahasa Jepun menunjukkan sifat yang berbeza dalam pemakaian klausa-klausa relatif dan struktur ayat dengan bahasa Inggeris. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar kumpulan pertama menggunakan klausa-klausa relatif dalam ayat dua kali ganda banyaknya berbanding pelajar-pelajar kumpulan kedua. Ini jelas menunjukkan bahawa kumpulan pelajar tersebut cuba mengelakkan penggunaan sesuatu bahasa yang tiada, atau berlainan daripada bahasa pertama mereka dalam bahasa yang mereka pelajari kemudian. Kesalahan yang dilakukan daripada percubaan menggunakan bentuk bahasa

pertama telah menunjukkan manifestasi wujudnya pemindahan bahasa.

Selain itu, seorang pengkaji dari Brunei Darussalam, iaitu Pengiran Mahmud Pengiran Dami t (1992: 232) telah menjalankan kajian tentang kesalahan tatabahasa dan tanda baca ke atas 200 orang pelajar tingkatan dua sekolah Menengah Daerah Brunei/Muara dan Daerah Tutong. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar paling kerap membuat kesalahan yang ada hubungan dengan struktur ayat, iaitu 35.9 peratus daripada keseluruhan kesalahan bahasa yang dilakukan. Daripada jumlah ini, didapati pelajar paling banyak melakukan kesalahan tentang binaan ayat yang tidak lengkap, iaitu sebanyak 18.45 peratus.

Manakala dalam kajian Arpan Shahbudin Latip (1998) terhadap 186 orang pelajar Melayu *th anawi*(menengah) lima pada tahun 1996 di dua buah sekolah menengah Arab di Negara Brunei Darussalam. Dapatan kajian membuktikan bahawa pelajar lelaki dan perempuan didapati lemah dalam menggunakan kemahiran membina ayat majmuk.<sup>5</sup> Kajian mendapati kelemahan pelajar membentuk ayat-ayat majmuk kerana mereka gagal menggunakan kata hubung, kata tugas dan lemah dalam memancangkan beberapa ayat kecil ke dalam ayat induk dengan kemas dan teratur.<sup>6</sup>

Kajian mengenai kesalahan bahasa dalam pembelajaran bahasa kedua tidak pernah putus serta masih dilaksanakan oleh ramai pengkaji. Oleh itu, kajian dalam aspek ini diteruskan oleh Money pada tahun 2004 terhadap karangan murid Tamil yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dapatan oleh Money ini sekali lagi membuktikan bahawa pelajar Tamil yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua tersebut sering melakukan kesalahan tatabahasa dari aspek perka tanan, frasa dan ayat.

### **Kajian Tempatan Tentang Analisis Kesilapan Ayat Majmuk dalam Karangan Pelajar**

Mohd. Sallehuddin (1983) membuat kajian terhadap karangan pelajar Tingkatan Lima di empat buah sekolah di Negeri Sembilan. Sampelnya terdiri daripada pelajar Melayu, Cina dan India daripada pelbagai aliran. Dapatan kajian mendapati bahawa empat kesalahan yang utama ialah ayat berkait (40.1%), ayat panjang yang tidak dapat ditentukan maknanya (20.4%), ayat saduran daripada ayat Inggeris dan ayat aktif (10.5%). Kesalahan-kesalahan ini ialah 83.6% daripada jumlah kesalahan yang dilakukan oleh mereka. Hasil kajian juga mendapati bahawa pelajar Cina kerap melakukan kesalahan ayat berkait, diikuti dengan ayat-ayat panjang, dan struktur ayat yang memperlihatkan pengaruh ayat bahasa Inggeris. Pelajar India pula banyak meakukan kesalahan ayat berkait dan ayat-ayat panjang, di samping kesalahan ayat pasif.

Kajian Awang Mohammad Amin (1982: 18-22) mengenai kesalahan-kesalahan umum peng-

<sup>5</sup> Arpan Shahbudin Latip. 1998. *Tatabahasa Bahasa Melayu: Morfologi dan Sintaksis untuk Guru dan Pelajar*. hlm. 137.

<sup>6</sup> *Ibid* 1998, hlm. 137.

unaan bahasa Melayu oleh penutur ekabahasa peringkat sekolah menengah atas mendapati bahawa jumlah kekerapan kesalahan ayat dan jenis-jenisnya bagi keseluruhan sampel kajian ialah sebanyak 935 dengan purata setiap pelajar ialah 7.8%. Aspek kesalahan sintaksis yang dikaji ialah ayat selapis aktif dan pasif, ayat berlapis, ayat kompleks, ayat berkait, ayat saduran, dan struktur ayat-ayat lain serta jenis-jenis ayat yang dinyatakan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa sampel kajian banyak melakukan kesalahan berhubung dengan struktur ayat pasif. Selain itu, Awang mendapati bahawa kesalahan-kesalahan kata ganti nama diri, kata ganti tunjuk, kata depan, kata bantu dan penggunaan kata asing merupakan kesalahan yang paling umum dilakukan oleh sampel kajian.

Supian (1994) pula mendapati bahawa kebanyakan pelajar Cina yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua melakukan kesalahan frasa kerja transitif, frasa kerja tak transitif, frasa kerja pasif pelaku diri pertama, kedua dan ketiga. Kajian beliau membuktikan bahawa kesalahan frasa kerja transitif merupakan kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh pelajar berbanding kesalahan frasa kerja yang lain.

Abdullah Hassan (2006) mengatakan bahawa kesalahan dalam penggunaan ayat-ayat terutamanya ayat kompleks seperti ayat majmuk, dan sebagainya merupakan kesalahan yang banyak dikehendaki dan diperolehi oleh para pengkaji bahasa. Kesalahan ini terjadi disebabkan penggunaan kata hubung yang tidak tepat atau kesalahan dalam ayat. Kekerapan kesalahan dalam penggunaan ayat majmuk oleh para pelajar dan pengguna bahasa yang lain dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh ramai pengkaji lain.<sup>7</sup>

Berhubung dengan kesalahan ayat bahasa Melayu yang diambil daripada susunan ayat bahasa asing, para pengkaji bersepakat bahawa ayat yang terdapat kesalahan padanya ialah kesan pengaruh daripada bahasa Inggeris, bahasa daerah, bahasa ibunda atau bahasa sehari-hari.<sup>8</sup>

Selain itu, kesalahan-kesalahan lain yang sering dilakukan oleh pelajar dalam penulisan akibat ketidakfahaman peraturan dalam binaan ayat termasuk kesalahan dalam binaan subjek dan predikat. Kesalahan tersebut ialah:<sup>9</sup>

- a) Kesalahan struktur ayat tunggal
- b) Kesalahan struktur ayat majmuk gabungan. Antara kesalahan yang sering dilakukan ialah kesalahan menggunakan kata hubung, kesalahan kerana mengulang subjek yang sama dan kesalahan kerana mengulang kata kerja yang sama.
- c) Kesalahan struktur ayat majmuk relatif

<sup>7</sup> . Wan Mohd Norudin Wan Kadir. 2006. Analisis Kesilapan Tatabahasa dalam karangan Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes. hlm .46.

<sup>8</sup> Ibid. 2006. hlm. 47.

<sup>9</sup> Wan Mohd Norudin Wan Kadir. 2006. Analisis Kesilapan Tatabahasa dalam karangan Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes. hlm. 62-63.

- d) Kesalahan struktur ayat majmuk komplemen. Kesalahan yang biasa dilakukan dalam penulisan ayat majmuk komplemen ialah ayat tiada penanda (kata) komplemen iaitu “bahawa” dan “untuk”.
- e) Kesalahan struktur ayat majmuk keterangan. Ayat majmuk keterangan ialah ayat majmuk yang terdiri daripada satu ayat induk dan satu ayat kecil atau lebih yang berfungsi sebagai keterangan kepada predikat. Kesalahan yang sering dilakukan dalam penulisan ayat majmuk ini ialah: tiada kata hubung yang berfungsi sebagai kata keterangan, penggunaan kata hubung yang berfungsi sebagai penanda keterangan yang salah.
- f) Kesalahan struktur ayat aktif
- g) Kesalahan struktur ayat pasif

Wan Mohd Norudin (2006) seterusnya menyimpulkan bahawa, terdapat perbezaan kecil dalam kekerapan kesalahan ayat antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering, Jerteh, Besut, Terengganu. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih banyak melakukan kesalahan tatabahasa dalam aspek ayat tunggal dan ayat majmuk (24.7%) berbanding dengan pelajar perempuan (21.7%).

Ahmad Shahril (1996) pula mendapati pelajar bahasa pertama melakukan kesalahan dari aspek perkataan, frasa dan ayat. Dapatan beliau membuktikan bahawa kesalahan aspek perkataan yang paling banyak dilakukan oleh pelajar, diikuti kesalahan aspek frasa dan ayat.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian yang diberikan di atas telah menggunakan kaedah analisis kesalahan dan memperlihatkan dapatan dalam bidang-bidang yang lebih terperinci seperti daerah-daerah kesalahan, kekerapan jenis kesalahan dan penentuan punca-punca kesalahan. Berpandukan kepada kajian-kajian tersebut, maka kajian ini cuba meninjau beberapa aspek kesalahan bahasa dengan penekanan kepada kesalahan ayat majmuk yang dilakukan oleh pelajar-pelajar asing dalam penulisan karangan mereka.

### **Soalan Kajian**

Kajian ini akan menganalisis dan meneliti jawapan bagi soalan-soalan kajian seperti berikut:

1. Apakah aspek kesalahan penggunaan ayat majmuk gabungan yang dilakukan oleh pelajar asing dalam karangan mereka?
2. Apakah aspek kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan relatif yang dilakukan oleh pelajar asing dalam karangan mereka?

3. Apakah aspek kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan komplemen yang dilakukan oleh pelajar asing dalam karangan mereka?
4. Apakah aspek kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan keterangan yang dilakukan oleh pelajar asing dalam karangan mereka?
5. Apakah aspek kesalahan penggunaan ayat majmuk campuran dalam karangan bahasa Melayu pelajar asing?

### **Batasan Kajian**

Kajian ini akan dibataskan dengan menganalisa dapatan berdasarkan aspek kesalahan berikut:

1. Ayat majmuk gabungan
2. Ayat majmuk pancangan relatif yang menggunakan kata hubung “yang”
3. Ayat majmuk pancangan komplemen yang menggunakan kata hubung “bahawa” dan “untuk”
4. Ayat majmuk pancangan keterangan
5. Ayat majmuk campuran

### **Analisis Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap 41 sampel karangan daripada pelajar-pelajar asing, didapati bahawa sebanyak 597 ayat tunggal dan ayat majmuk telah dihasilkan dalam karangan tersebut. Daripada jumlah tersebut, 316 atau 52.9 peratus terdiri daripada ayat majmuk. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar asing mempunyai kebolehan membina ayat majmuk dan kerap menggunakan ayat tersebut dalam penulisan karangan mereka. Kajian mendapati kesemua jenis ayat majmuk telah dihasilkan oleh pelajar asing dengan kekerapan yang berbeza-beza seperti yang dikategorikan dalam Jadual 1 di bawah.

*Jadual 1 Ayat Majmuk yang dihasilkan oleh Penutur Asing dalam Karangan*

<b>Jenis Ayat</b>	<b>Jumlah Ayat (%)</b>	<b>Jumlah Kesalahan (%)</b>
Ayat Majmuk Gabungan	160 (50.6)	156 (50.9)
Ayat Majmuk Campuran	74 (23.4)	70 (22.8)
Ayat Majmuk Pancangan Keterangan	63 (19.9)	62 (20.2)
Ayat Majmuk Pancangan Relatif	18	17

	(5.6)	(5.5)
Ayat Majmuk Pancangan Komplemen	1 (0.3)	1 (0.3)
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>316 (100)</b>	<b>306 (100)</b>

Berdasarkan Jadual 1, kajian mendapati walaupun pelajar asing didapati kerap menghasilkan ayat majmuk dalam karangan mereka namun dalam masa yang sama, kekerapan kesalahan yang ditemui dalam setiap ayat majmuk berkenaan juga adalah tinggi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 306 atau 96.2 % daripada 316 ayat majmuk yang dihasilkan oleh pelajar asing mengalami kesalahan daripada pelbagai aspek. Perbezaan dalam kekerapan membentuk ayat majmuk mengikut jenis juga didapati selari dengan dapatan perbezaan kekerapan dalam kesalahan yang dilakukan mengikut jenis ayat majmuk tersebut. Kajian mendapati faktor utama yang menyebabkan pelajar asing gemar membentuk ayat majmuk gabungan adalah disebabkan proses pemajmukannya yang mudah. Ayat majmuk campuran pula yang kedua kerap dibentuk oleh pelajar asing dengan peratus kekerapan sebanyak 23.4%, ayat majmuk keterangan sebanyak 19.9% dan ayat majmuk pancangan relatif sebanyak 5.26%. Namun begitu, kajian mendapati hanya satu sahaja ayat majmuk komplemen dihasilkan daripada 41 sampel yang dikaji dan dapatan ini diperolehi daripada sampel ketiga (S3) dalam penulisan ayat ketiga (A3) dengan peratus kekerapan sebanyak 0.3%.

Abdullah Hassan (2006) menggunakan pendekatan tatabahasa pedagogi dalam kajiannya tentang sintaksis bahasa Melayu. Beliau berpendapat bahawa kesalahan sintaksis bermaksud pembentukan ayat yang menyalahi atau menyimpang daripada rumus-rumus struktur ayat yang betul dan sesuai dengan sesuatu bahasa. Kesalahan ayat ini mencakupi kesalahan klausa, dan ayat. Kesalahan ayat juga terjadi akibat daripada ketidaktepatan dalam penggunaan bentuk-bentuk kata dan frasa tertentu yang mendokong kegramatisan dalam binaan sesebuah ayat. Berdasarkan penyataan di atas, kesalahan pembentukan ayat majmuk oleh pelajar asing dalam kajian ini telah dianalisis dan dikelompokkan ke dalam beberapa aspek kesalahan. Antaranya ialah:

- a. kekeliruan /ketidakjelasan struktur ayat
- b. penggunaan kata hubung yang tidak tepat
- c. penggunaan kata kerja yang tidak tepat
- d. Ejaan
- e. penggunaan kata saduran
- f. Ortografi (tanda baca dan huruf besar)

- g. Pemilihan kosa kata yang tidak tepat/sesuai

### **Aspek Kesalahan Ayat Majmuk Gabungan**

*Jadual 2 Aspek Kesalahan Ayat Majmuk Gabungan*

<b>Jenis Kesalahan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Kekeliruan/ketidakjelasan struktur ayat	42	15.6
Penggunaan kata hubung yang tidak tepat	38	14.2
Penggunaan kata kerja yang tidak tepat	46	17.1
Ejaan	72	26.1
Ortografi	36	14.4
Penggunaan kata saduran	15	5.5
<b>JUMLAH</b>	<b>249</b>	<b>100</b>

Soalan kajian yang pertama akan dapat dijawab berdasarkan data-data yang telah dianalisis dalam Jadual 2 di atas. Setelah dianalisis kesemua 156 ayat majmuk gabungan yang didapati mengalami kesalahan, kajian mendapat terdapat sekurang-kurangnya dua kesalahan dalam setiap ayat berkenaan malah terdapat juga ayat yang mengandungi antara empat hingga lima kesalahan. Kesalahan yang paling kerap ditemui ialah aspek ejaan dengan peratus kekerapan tertinggi sebanyak 26.1%. Kebanyakan ayat majmuk gabungan yang dihasilkan juga didapati mengandungi kesalahan kata kerja seperti tidak mengandungi penanda pasif atau aktif (imbuhan), tidak sesuai malah ada juga ayat yang langsung tidak mempunyai kata kerja sehingga mencatat kesalahan kedua tertinggi dengan peratus kekerapan sebanyak 17.1%. Kesalahan dari aspek struktur ayat pula mencatat kesalahan ketiga tertinggi iaitu 15.6%, apabila kebanyakan ayat majmuk gabungan yang dihasilkan mengalami keceleruan susunan antara menggabungkan unsur subjek/predikat ayat utama dengan subjek/predikat ayat ke-2 dan ke-3 sehingga menjaskan makna ayat secara keseluruhan.

Pelajar asing juga didapati tidak dapat menguasai makna kata hubung dan konteks penggunaannya yang sebenar dan hal ini menjadi faktor yang menyumbang kepada kesalahan memilih kata hubung yang sesuai dengan konteks ayat. Oleh sebab itu, kesalahan kata hubung mencatat peratus kekerapan sebanyak 14.2%. Aspek kesalahan ortografi (14.4%) memperlihatkan pelajar asing gagal menggunakan tanda koma dan tanda noktah pada tempat yang sepatutnya di dalam ayat majmuk manakala aspek kesalahan kata saduran (5.5%) dikenal pasti apabila pelajar menggunakan secara langsung perkataan-perkataan dalam bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris.

## Kesalahan Ayat Majmuk Gabungan

**Jadual 3 : Contoh Kesalahan Ayat Majmuk Gabungan**

Sampel	Contoh Ayat	Pembetulan
S15 (A5)	Di situ banyak barang <i>dan</i> makanan jual antaranya, beg, kasut, pakaian, buah-buahan, sayur-sayuran <i>dan</i> macam-macam lagi.	Barangan <i>serta</i> makanan banyak dijual di situ seperti beg, kasut, pakaian, buah-buahan, sayur-sayuran <i>dan</i> sebagainya.
S23 (A17)	<i>Tetapi</i> saya membeli setiap hari di kafe saya.	Harga makanan itu mahal <i>tetapi</i> saya tetap membelinya di kafe setiap hari.
S23 (A5)	Nasi goreng di Kantin saya sangat sedap <i>dan</i> sangat pedas.	Nasi goreng di kantin saya sangat sedap <i>tetapi</i> sangat pedas.
S25 (A7)	Antaranya, nasi goreng kampung <i>dan</i> nasi goreng ayam,	Antara makanan tersebut ialah nasi goreng kampung <i>dan</i> nasi goreng ayam.
S25 (A14)	Sini, kamu makan setiap hari, nasi putih <i>dan</i> ikan pedas <i>dan</i> daging.	Kami makan nasi putih, ikan pedas <i>dan</i> daging di sini setiap hari.

Berdasarkan Jadual 3, contoh kesalahan bagi sampel ke-15 dalam ayat kelima (A5), pengulangan kata hubung setara *dan* yang membawa makna yang sama dalam ayat berkenaan. Mengikut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (2004), jika kata hubung *dan* telah digunakan untuk kali pertama dan ingin menggunakan lagi dalam ayat yang sama, maka kata *dan* tersebut perlu digantikan dengan kata *serta* untuk menunjukkan tujuan yang sama. Selain itu, kesalahan-kesalahan lain seperti tidak mempunyai penanda pasif untuk kata kerja *jual* dan kesalahan susunan struktur ayat juga berlaku dalam ayat ini.

Kesalahan ayat 17 dalam sampel ke-23 dan ayat 14 dalam sampel ke-25 pula, kesalahan struktur ayat menyebabkan kedua-dua ayat majmuk tersebut tidak gramatis. A17 tidak mempunyai subjek dan predikat ayat utama serta dimulai dengan kata hubung *tetapi*. Pengkaji mendapati hal ini berlaku disebabkan ayat utama (*Harga makanan itu mahal.*) telah ditulis sebagai ayat tunggal di dalam ayat sebelumnya. Maka, pembetulan A17 dilakukan dengan memasukkan unsur berkenaan supaya pembentukan ayat majmuk gabungan tersebut lebih tepat dan gramatis. A14 pula mengalami kesalahan struktur atau susunan ayat yang agak mengelirukan. Proses penyongsangan atau pendepanan predikat serta penggunaan kata nama juga tidak tepat. Berikut diberikan pecahan ayat yang betul bagi ayat majmuk A14:

Ayat utama: *Kami makan nasi putih di sini setiap hari.*

Ayat ke-2: *Kami makan ikan pedas di sini setiap hari.*

Ayat ke-3: *Kami makan daging di sini setiap hari.*

Ayat majmuk gabungan - penyongsanan separa predikat: *Setiap hari* kami makan nasi putih, ikan pedas dan daging di sini.

Ayat majmuk -penyongsangan penuh predikat: *Di sini setiap hari* kami makan nasi putih, ikan pedas dan daging.

Sampel ke-23 dalam ayat kelima (A5) pula dikesan mengandungi kata hubung *dan* yang tidak tepat kerana kata hubung *dan* bertujuan menunjukkan keadaan setara. Dalam hal ini, kata hubung *tetapi* yang merujuk keadaan pertentangan adalah lebih tepat digunakan bagi mendukung makna dalam konteks ayat berkenaan.

Kesalahan tanda baca (koma) dikesan terdapat dalam ayat ketujuh (A7) bagi sampel ke-25 yang menunjukkan bahawa tanda baca seperti koma sangat penting dalam pembentukan ayat majmuk gabungan. Ini disebabkan terdapat juga tanda koma yang boleh menggantikan kehadiran kata hubung (yang digugurkan) dalam ayat majmuk. Bagi ayat A7, tanda koma yang pertama tidak perlu diletakkan dan lebih gramatis digantikan dengan kata pemeri *ialah* manakala tanda koma yang kedua pula sepatutnya digantikan dengan tanda noktah. Kesalahan lain ialah penggunaan kata ganti nama *kamu* dan kesalahan predikat yang tidak tepat.

### Aspek Kesalahan Ayat Majmuk Pancangan Relatif

*Jadual 4 Kesalahan Ayat Majmuk Pancangan Relatif*

Jenis Kesalahan	Kekerapan	Peratusan
Kekeliruan/ketidakjelasan struktur ayat	8	17.2
Penggunaan kata hubung yang tidak tepat	4	8.5
Penggunaan kata kerja yang tidak tepat	5	10.6
Ejaan	7	14.8
Ortografi	8	17.2
Penggunaan kata saduran	2	4.2
Pemilihan kosa kata yang tidak tepat/sesuai	13	27.6
<b>JUMLAH</b>	<b>47</b>	<b>100</b>

Data-data yang diperoleh dalam Jadual 4 di atas akan menjawab soalan kajian yang kedua. Kajian mendapati sebanyak 47 kesalahan ayat majmuk pancangan dilakukan oleh pelajar asing dan

kesalahan tertinggi ialah aspek pemilihan kosa kata yang tidak tepat atau sesuai dengan maksud ayat dengan peratus kekerapan sebanyak 27.6%. Kesalahan struktur ayat dan ortografi pula kesalahan kedua kerap dilakukan dengan peratus kekerapan kedua-duanya ialah 17.2%. Hal ini diikuti oleh kesalahan aspek ejaan (14.8%), penggunaan kata kerja yang tidak tepat (10.6%), penggunaan kata hubung yang tidak tepat (8.5%) dan kesalahan penggunaan kata saduran sebanyak 4.2%. Dapatkan ini menunjukkan bahawa pelajar agak kurang menggunakan ayat jenis relatif ini berbanding ayat majmuk gabungan yang berkemungkinan disebabkan oleh proses pemancangannya yang agak kompleks. Hal ini dapat dilihat apabila kesilapan pemilihan kosa kata yang tidak tepat/sesuai sebagai kata tugas menyebabkan ayat-ayat kecil tidak dapat dipancangkan dengan tepat ke dalam ayat induk menggunakan penanda relatif *yang*.

### Kesalahan Ayat Majmuk Pancangan Relatif

**Jadual 5 : Contoh Kesalahan Ayat Majmuk Pancangan Relatif**

Sampel	Contoh Ayat	Pembetulan
S6 (A1)	Suaku hari dalam kehidupan saya <i>yang</i> saya sangat gembira ialah hari <i>yang</i> saya pergi berkila di pantai dengan keluarga saya.	Hari <i>yang</i> sangat gembira dalam hidup saya adalah berkelah di tepi pantai dengan keluarga.
S7 (A10)	Saya akan makan tengah hari pukul 2.00 dengan kawan-kawan saya di baru Kafe di Azman Hashim Kompleks di dalam university islam Antarabangsa Malaysia.	Saya akan makan tengah hari pada pukul dua petang dengan kawan-kawan di kafe baharu <i>yang</i> terletak di Kompleks Azman Hashim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
S8 (A9)	Kita maka Nasi Goreng Ayam Kunyit, itu sangat lazat.	Kami makan nasi goreng ayam kunyit <i>yang</i> sangat lazat itu.

Berdasarkan Jadual 5, ayat majmuk relatif (A1) yang ditulis oleh sampel keenam (S6) pula dikesan mengandungi kesalahan utama dari aspek pengulangan subjek (nata nama) *saya* yang sepatutnya digugurkan apabila memancangkan ayat kecil ke dalam ayat induk. Bentuk sebenar ayat tersebut setelah dibetulkan adalah seperti berikut:

Ayat induk: *Hari itu saya pergi berkelah di tepi pantai dengan keluarga.*

Ayat kecil: Hari itu sangat gembira dalam hidup saya.

Ayat majmuk relatif: *Hari yang sangat gembira dalam hidup saya adalah pergi berkelah di tepi pantai dengan keluarga.*

Ayat bergaris dalam contoh di atas ialah ayat kecil yang dipancangkan ke dalam ayat induk setelah subjek digugurkan. Kesalahan lain yang dikesan ialah pengulangan penanda relatif *yang*.

Sampel ketujuh (S7) dalam ayat ke-10 (A10) pula, dikesan mengandungi kesalahan ketiadaan kata hubung pancangan *yang* untuk memancangkan ayat kecil. Bentuk asal A10 setelah dibetulkan adalah seperti berikut:

Ayat induk: *Saya akan makan tengah hari pada pukul dua dengan kawan-kawan di kafe baharu.*

Ayat kecil: *Kafe baharu itu terletak di Kompleks Azman Hashim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.*

Ayat majmuk relatif: *Saya akan makan tengah hari pada pukul dua petang dengan kawan-kawan di kafe baharu yang terletak di Kompleks Azman Hashim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.*

Bagi kesalahan ayat relatif A15 dalam karangan sampel kelapan (S8) pula, didapati mengandungi kesalahan ketiadaan kata hubung serta kesalahan tanda koma sehingga menjadikannya ayat tergantung. A15 akan menjadi lengkap dan gramatis apabila kata hubung *yang* diletakkan selepas ayat induk. Contoh pecahan A15 adalah seperti berikut:

Ayat induk: *Kami makan nasi goreng ayam kunyit itu.*

Ayat kecil: *Nasi goreng ayam kunyit itu sangat lazat*

Ayat majmuk relative: *Kami makan nasi goreng ayam kunyit yang sangat lazat itu.*

Berdasarkan contoh-contoh kesalahan aspek relatif ini, kajian dapat mengenal pasti bahawa proses pemancangan ayat kecil kepada ayat induk yang agak rumit dalam pembentukan ayat majmuk pancangan relatif telah menyebabkan pelajar asing sering keliru dalam membuat susunan yang tepat dan betul. Mereka juga didapati kurang memahami maksud kata hubung relatif dan gagal menggunakan dalam konteks pemancangan relatif yang sebenar.

## Aspek Kesalahan Ayat Majmuk Keterangan

*Jadual 6 Kesalahan Ayat Majmuk Keterangan*

Jenis Kesalahan	Kekerapan	Peratusan
Kekeliruan/ketidakjelasan struktur ayat	21	20.1
Penggunaan kata hubung yang tidak tepat	17	16.3
Penggunaan kata kerja yang tidak tepat	11	10.5
Ejaan	23	22.1
Ortografi	14	13.4
Penggunaan kata saduran	7	6.7

Pemilihan kosa kata yang kurang tepat/sesuai	11	10.5
<b>JUMLAH</b>	<b>104</b>	<b>100</b>

Seterusnya, soalan kajian yang ketiga akan dijawab oleh data-data yang ditunjukkan dalam Jadual 6 di atas. Kajian menunjukkan bahawa kesalahan aspek ejaan ialah kesalahan tertinggi dalam pembentukan ayat majmuk keterangan oleh pelajar asing dengan peratus kekerapan sebanyak 22.1%. Kesalahan aspek struktur ayat pula ialah kesalahan kedua kerap dilakukan (20.1%), diikuti oleh kesalahan penggunaan kata hubung (16.3%), Ortografi (13.4%), kesalahan kata kerja dan pemilihan kosa kata yang tidak tepat/sesuai dengan peratus kekerapan yang sama (10.5%) serta penggunaan kata saduran sebanyak 6.7%. Kajian turut mendapati pelajar asing lebih banyak menggunakan ayat majmuk keterangan dalam penulisan karangan terutama pancangan keterangan waktu seperti *apabila*, *setelah*, *ketika* dan *sejak*; pancangan keterangan tujuan (*untuk*), keterangan musabab (*kerana*) dan keterangan syarat (*jika*).

### Kesalahan Ayat Majmuk Pancangan Keterangan

**Jadual : Contoh Kesalahan Ayat Majmuk Pancangan Keterangan oleh Pelajar Asing**

Sampel	Contoh Ayat	Pembetulan
S2 (A9)	Bila habis buat alyer-layer dalam periut, kamu mesti masukan lasagna dalam oven dalam masa 45 min.	Lasagna hendaklah dimasukkan ke dalam ketuhar selama 45 minit setelah anda selesai membuat lapisan di dalam periuk.
S11 (A12)	Saya keluar bilik saya, saya pergi ke kullyyah untuk kelas pagi.	Saya keluar dari bilik untuk ke kelas pagi di kullyyah.
S13 (20)	Apabila sudah saya membaca buku sampai waktu.	Saya membaca buku apabila selesai makan petang.
S24 (A6)	Jika saya tindak ada kelas, saya sebagai untuk ke perpustakaan.	Saya akan ke perpustakaan sekiranya tidak ada kelas.
S26 (A14)	Ibu saya rasa baik sebab ingin datang.	Ibu saya sangat baik kerana mahu datang.

Berdasarkan Jadual 7 di atas, kajian mendapati kesalahan utama yang terdapat dalam ayat majmuk keterangan bagi sampel kedua (S2) dalam ayat kesembilan (A9) ialah penggunaan kata tanya *bila* yang digunakan sebagai kata hubung. Kata hubung yang sepatutnya digunakan ialah *setelah*. Selain itu, terdapat beberapa kesalahan lain yang turut dikesan dalam A9 seperti:

1. pemilihan kata tugas *habis* dan *mesti* yang kurang tepat. Perkataan tersebut harus digantikan dengan *selesai* digantikan dengan *hendaklah*

2. penggunaan kata ganti nama *kamu* yang kurang tepat dan sepatutnya digantikan dengan kata ganti nama *anda*
3. ortografi contohnya ejaan perkataan *periut* yang sepatutnya ialah *periuk*
4. kata saduran daripada bahasa kedua (bahasa Inggeris) seperti *oven* digantikan dengan *ketuhar* dan *min* sebagai *minit*.

Maka, pemajmukan yang tepat bagi ayat ini adalah seperti berikut:

Ayat Utama: *Anda telah selesai membuat lapisan di dalam periuk.*

Ayat kecil: *Anda hendaklah memasukkan lasagna ke dalam ketuhar selama 45 minit.*

Bentuk aktif: *Anda hendaklah memasukkan lasagna ke dalam ketuhar selama 45 minit setelah selesai membuat lapisan di dalam periuk.*

Bentuk pasif: *Lasagna hendaklah dimasukkan ke dalam periuk selama 45 minit setelah anda selesai membuat lapisan di dalam periuk.*

Pengulangan subjek (kata ganti nama *saya*) dalam ayat kecil yang tidak digugurkan dalam proses pemancangan menyebabkan pembentukan A11 yang ditulis oleh sampel ke-11 (S11) tidak gramatis. Kesalahan lain ialah penggunaan tanda koma yang digunakan sepatutnya digantikan dengan kata hubung tertentu. Dalam hal ini, kata hubung *untuk* digunakan untuk menunjukkan tujuan di bahagian pembetulan ayat supaya dapat memberikan ketepatan makna bagi ayat tersebut.

Ayat keterangan A20 yang dibentik oleh sampel ke-13 pula mengalami kesalahan dari aspek struktur ayat apabila kata hubung *apabila* hanya menerangkan predikat yang tidak lengkap iaitu *sudah*. Dalam hal ini, ayat sebelumnya yang ditulis oleh pelajar dalam karangan yang dikaji telah dirujuk untuk memperoleh maklumat bahagian predikat supaya pembetulan ayat dapat dilakukan. Kajian mendapati bahawa predikat *sudah* dalam A20 merujuk predikat *makan petang*. Maka, pembetulan ayat dibuat dengan memancangkan predikat *makan petang* ke dalam ayat induk. Sementara bagi frasa *...sampai waktu* pula, pengkaji tidak dapat mengesan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pelajar dalam A20. Maka, frasa ini digugurkan dalam pembetulan ayat.

Begitu juga dengan sampel ke-24 dalam ayat keenam (A6) dan sampel ke-26 ayat kesepuluh (A10) yang dibentuk menggunakan kata hubung yang kurang tepat. Kata hubung *jika* dianggap tidak tepat kerana fungsinya yang menunjukkan maksud kemungkinan. Oleh itu, kata hubung yang sesuai menggantikan *jika* ialah kata hubung *sekiranya* bagi menunjukkan keterangan syarat. Dalam hal A10 pula, penggunaan kata *sebab* dianggap tidak tepat kerana perkataan tersebut tergolong ke dalam jenis kata nama serta tidak boleh berfungsi sebagai kata hubung. Kata hubung yang sesuai menggantikannya ialah *kerana*. Kata *sebab* hanya boleh digunakan sebagai kata hubung jika

disertai dengan kata sendi *oleh* yang apabila digabungkan menjadi *oleh sebab*. Kata hubung *kerana* pula tidak boleh digabungkan dengan kata *oleh* menjadi *oleh kerana* disebabkan kata tersebut memang jenis kata hubung. Selain itu, kata *oleh sebab* juga tidak boleh dijadikan sebagai kata hubung di awal ayat kerana kata tersebut tidak terdapat dalam Bahasa Melayu.

Analisis aspek kesalahan ayat majmuk keterangan ini mendapati pelajar asing kerap membina ayat majmuk keterangan dengan pendepan separa predikat serta mengutamakan kata kerja tanpa imbuhan. Faktor ini disebabkan oleh pemindahan bahasa daripada bahasa pertama iaitu bahasa ibunda serta bahasa kedua (bahasa Inggeris) yang menjadi gangguan dalam proses penulisan karangan tersebut.

### **Aspek Kesalahan Ayat Majmuk Campuran**

*Jadual 8 : Kesalahan Ayat Majmuk Campuran*

<b>Jenis Kesalahan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Kekeliruan/ketidakjelasan struktur ayat	18	13.2
Penggunaan kata hubung yang tidak tepat	22	16.1
Penggunaan kata kerja yang tidak tepat	26	19.1
Ejaan	27	19.8
Ortografi	14	10.2
Penggunaan kata saduran	8	5.8
Penggunaan kosa kata yang tidak tepat/sesuai	21	15.4
<b>JUMLAH</b>	<b>136</b>	<b>100</b>

Soalan kajian yang keempat akan dijawab berdasarkan data-data kajian yang diperoleh dalam Jadual 8 di atas. Jadual 8 menunjukkan kesalahan aspek ejaan masih dikenal pasti sebagai aspek kesalahan yang tertinggi iaitu dengan peratus kekerapan sebanyak 19.8% dalam pembentukan ayat majmuk pancangan keterangan oleh pelajar asing. Selain itu, kesalahan aspek kata kerja yang kedua tertinggi (19.1%) apabila pelajar gagal memberikan penanda imbuhan pasif kepada kata kerja yang digunakan dalam ayat majmuk pancangan keterangan pasif. Hal ini diikuti oleh kesalahan aspek kata hubung (16.1%), kesalahan kosa kata yang tidak tepat/sesuai (15.4%), kesalahan struktur ayat (13.2%) dan kesalahan ortografi (10.2%). Pengkaji mendapati, pelajar asing mempunyai kecenderungan menggunakan ayat majmuk campuran yang mempunyai bentuk paling kompleks dalam bahasa Melayu dan hal ini menunjukkan satu pencapaian yang agak membanggakan walaupun kekerapan kesalahan

ahan turut dikesan dalam setiap ayat yang dihasilkan.

### Kesalahan Ayat Majmuk Campuran

**Jadual 9 : Contoh Kesalahan Ayat Majmuk Campuran**

Sampel	Contoh Ayat	Pembetulan
S10 (A9)	Saya sembahyang Suhur di masjid <i>dan</i> saya pergi ke kulliyah saya <i>untuk</i> belajar bahasa Arabic.	Saya pergi ke kuliyyah <i>untuk</i> belajar bahasa Arab <i>setelah</i> bersembahyang Zohor di masjid.
S30 (A11)	Saya rindu makanan ibubanyak <i>kerana bila</i> saya datang pelajar sini <i>dan</i> saya tidak telah makan makanan dari pada ibu.	Saya rindu akan makanan <i>yang</i> dimasak oleh ibu <i>kerana</i> tidak pernah lagi merasainya <i>semenjak</i> belajar di sini.
S38 (A4)	Kedua saya suka roti canai, sebab ini makan sama roti di negri saya, ini roti, saya hari hari makan sebab saya tak mahu luar negri, dan lagi, roti ada banyak nama-nama, misalnya roti boom.	Roti canai mempunyai pelbagai nama seperti ‘roti bom’, <i>dan</i> saya suka memakannya setiap hari <i>supaya</i> tidak melupakan negara saya <i>kerana</i> makanan itu juga terdapat di sana.

Proses pembentukan ayat majmuk campuran dalam bahasa Melayu agak rumit kerana ayat ini mengandungi lebih daripada satu jenis ayat, iaitu terdiri daripada campuran ayat tunggal dengan ayat majmuk atau deretan berbagai-bagai-jenis ayat majmuk. Oleh sebab pembentukannya yang agak rumit, kecenderungan melakukan kesalahan dalam pembinaan ayat tersebut oleh pelajar asing adalah tinggi. Dalam Jadual 9 di atas, ayat kesembilan (A9) bagi sampel kesepuluh (S10) menunjukkan kesalahan utama yang berlaku dalam ayat majmuk campuran tersebut adalah pemilihan kata hubung yang tidak tepat. Terdapat juga kesalahan-kesalahan lain yang dikesan dalam A10 iaitu kata kerja yang tidak lengkap seperti *sembahyang* yang digantikan dengan kata kerja tidak transitif *bersembahyang*, pengulangan subjek kata ganti nama *saya* yang sepatutnya digugurkan apabila ayat kecil dipancangkan ke dalam ayat induk, kesalahan ejaan kata *Suhur* dibetulkan menjadi *Zohor* dan kata saduran bahasa Inggeris *Arabic* yang sepatutnya dieja sebagai *Arab*.

Ayat A11 bagi sampel ke-30 dan ayat A4 bagi sampel ke-38 dikenal pasti mengandungi kesalahan utama dari aspek struktur ayat selain turut mengalami kesalahan-kesalahan lain iaitu penggunaan kata hubung yang tidak tepat iaitu *kerana*, *bila* (kata tanya) serta *dan* yang tidak dapat memberi makna sebenar terhadap ayat yang hendak disampaikan selain kesalahan aspek ejaan seperti *ibubanyak* (sepatutnya dieja secara terpisah), *roti boom* (sepatutnya *roti bom*) dan akhir sekali kesalahan tanda baca (koma) yang terlalu banyak dan ketara. Tanda koma tersebut sepatutnya digantikan dengan kata hubung *dan*, *supaya* serta *kerana* untuk memberikan maksud sebenar ayat dan lebih gramati-

s. Ayat A38 dicerakinkan dan dibentuk semula untuk tujuan pembetulan seeperti berikut:

Ayat Asal: *Terdapat pelbagai jenis roti canai seperti ‘roti bom’.*

Ayat majmuk: *Saya suka makan roti canai setiap hari supaya boleh mengingati negara saya kerana makanan itu juga terdapat di sana.*

Ayat majmuk campuran: *Roti canai mempunyai pelbagai nama seperti ‘roti bom’, dan saya suka memakannya setiap hari agar tidak melupakan negara saya kerana makanan itu juga terdapat di sana.*

Kekeliruan susunan struktur ayat A38 dikenal pasti berpunca daripada aspek pemindahan bahasa oleh sampel dengan mengambil bentuk susunan yang terdapat dalam struktur bahasa ibunda serta bahasa kedua mereka iaitu bahasa Inggeris. Contohnya penekanan keterangan sebab kepada subjek dalam frasa ...*sebab ini makan sama roti di negri saya*, penekanan aspek kata tunjuk di hadapan kata nama dalam frasa ...*ini roti*, penekanan keterangan subjek di hadapan kata nama dalam frasa ...*saya hari hari makan sebab saya tak mahu luar negri*, penekanan kata hubung lewah dalam frasa ...*dan lagi*, serta kesalahan penanda jamak dalam frasa ...*roti ada banyak nama-nama*, dan kesalahan kata saduran iaitu ‘roti boom’.

### **Aspek Kesalahan Ayat Majmuk Secara Keseluruhan**

*Jadual 10 Aspek Kesalahan Ayat Majmuk Secara Keseluruhan*

<b>Jenis Kesalahan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Kekeliruan/ketidakjelasan struktur ayat	89	15.9
Penggunaan kata hubung yang tidak tepat	102	18.3
Penggunaan kata kerja yang tidak tepat	88	15.7
Ejaan	129	23.1
Ortografi	72	12.9
Penggunaan kata saduran	32	5.7
Pemilihan kosa kata yang kurang tepat/sesuai	45	8.0
<b>JUMLAH</b>	<b>557</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 10, secara keseluruhannya kajian mendapati bahawa kekerapan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar asing dalam pembentukan ayat majmuk ialah sebanyak 557 kali daripada 156 ayat majmuk yang telah dikenal pasti sebagai salah. Aspek kesalahan yang paling kerap dil

akukan ialah kesalahan aspek ejaan dengan kekerapan sebanyak 129 atau peratus kekerapan sebanyak 23.1%. Kesalahan kedua tertinggi pula ialah kesalahan aspek penggunaan kata hubung yang tidak tepat dalam ayat majmuk yang dihasilkan dengan kekerapan sebanyak 102 kali atau 18.3%, kesalahan aspek struktur ayat (15.9%), penggunaan kata kerja yang tidak tepat (15.7%), kesalahan ortografi (12.9%), pemilihan kosa kata yang tepat /sesuai (8.0%) dan kesalahan menggunakan kata saduran sebanyak 5.7%. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa setiap ayat mengandungi lebih daripada satu kesalahan dan purata kesalahan tersebut ialah tiga kesalahan bagi setiap satu ayat.

## **Perbincangan**

Kajian yang telah dijalankan terhadap 41 sampel karangan yang ditulis oleh pelajar asing yang mengambil kursus Bahasa Melayu II untuk Pelajar Asing (LM 1011) ini mendapati bahawa mereka telah melakukan kesalahan ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan relatif, pancangan keterangan dan ayat majmuk campuran. Kesalahan yang mengandungi kekerapan paling tinggi ialah ayat majmuk gabungan diikuti oleh ayat majmuk keterangan, ayat majmuk campuran, dan pancangan relatif manakala hanya satu sahaja bentuk ayat majmuk komplemen ditemui dalam penulisan karangan tersebut. Dapatan ini selaras dengan kajian yang telah dilakukan oleh Money (2004), Arpan Shahbudin Latip (1998) dan Wan Mohd Norudin Wan Kadir (2006).

Kajian telah mengenal pasti beberapa aspek kesalahan ayat majmuk yang terdapat dalam karangan pelajar asing iaitu kesalahan aspek struktur ayat, penggunaan kata hubung yang tidak tepat, penggunaan kata kerja yang tidak tepat, ejaan, ortografi, kata saduran dan pemilihan kosa kata yang tidak tepat/sesuai. Kesalahan-kesalahan tersebut telah menyebabkan kebanyakan ayat majmuk yang dihasilkan mempunyai sifat tergantung atau tidak lengkap serta mempunyai makna yang sukar untuk ditanggapi oleh pengkaji. Aspek ejaan pula telah dikenal pasti sebagai kesalahan utama dalam kesemua jenis ayat majmuk yang dihasilkan oleh pelajar asing dan menjadi punca utama ayat tersebut tidak boleh dianggap gramatis. Dapatan yang sama pernah diperoleh oleh Wyatt (1973) berhubung kesalahan aspek ejaan. Hal ini disebabkan sesuatu ayat yang gramatis haruslah mematuhi hukum-hukum tatabahasa yang telah ditetapkan dan perkara tersebut termasuklah ejaan yang lengkap, tepat dan betul. Begitu juga dengan kesalahan aspek penggunaan kata hubung yang tidak tepat. Pelajar asing didapati gagal memahami makna kata hubung serta konteks penggunaannya dalam ayat sehingga menyebabkan masalah ini berlaku. Aspek-aspek kesalahan yang diperoleh dalam kajian ini selaras dengan dapatan kajian oleh Corder (1973) dan Pengiran Mahmud Pengiran Damit (1992: 232).

Tafsiran selanjutnya yang dapat dibuat berdasarkan analisis kesalahan ayat majmuk oleh pelajar asing dalam penulisan karangan mereka ialah pelajar asing lemah dalam kemahiran membina a-

yat majmuk yang kompleks bentuknya. Kajian juga mendapati kegagalan menanggapi makna dan konteks penggunaan kata hubung menjadi penyebab kepada kecelaruan serta kekeliruan penyusunan struktur ayat majmuk. Pelajar asing lemah dalam membentuk ayat majmuk kerana mereka gagal memancangkan beberapa ayat kecil dengan teratur selain kesalahan pemilihan kata tugas yang betul, penggunaan kata jamak yang tidak sesuai dan pemilihan kata kerja dengan penanda pasif atau aktif. Kelemahan aspek ini selaras dengan dapatan kajian Awang Mohd Amin (1982), Supian (1994) dan Arpan Shahbudin Latip (1998).

Pelajar asing juga didapati kerap melakukan kesalahan dalam aspek pembentukan ayat majmuk ini disebabkan proses pembentukan ayat majmuk yang mengikut struktur pembentukan ayat dalam bahasa ibunda serta bahasa kedua (bahasa Inggeris) mereka. Kesalahan tersebut dikenal pasti melalui pengguguran aspek imbuhan dalam kata kerja, penekanan frasa kerja, dan pengulangan kata nama (subjek) yang menyamai struktur pembentukan ayat dalam bahasa Inggeris iaitu *noun+verbs*. Hal ini berbeza dengan pembentukan ayat dalam bahasa Melayu kerana wujudnya pola-pola ayat (4 pola) yang perlu diikuti untuk membentuk ayat-ayat dasar dan ayat majmuk yang gramatis. Selain itu, penggunaan kata hubung relatif *yang mana* juga dikenal pasti hasil saduran daripada versi Inggerisnya iaitu *which is*. Hal ini menunjukkan bahawa berlakunya pemindahan bahasa oleh pelajar asing yang menggunakan pengetahuan dalam bahasa kedua mereka (bahasa Inggeris) untuk membentuk ayat majmuk berkenaan. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian oleh Schacter (1974: 205-214) tentang pemindahan bahasa yang berlaku dalam kalangan penutur bahasa kedua dan Mohd. Sallehuddin (1983).

## Kesimpulan

Kajian tentang analisis kesilapan ayat majmuk oleh pelajar asing boleh dikatakan satu aspek kajian bahasa yang agak mencabar kerana ayat majmuk itu sendiri mempunyai kepelbagaiannya bentuk dan struktur binaannya yang agak kompleks serta rumit. Penelitian yang mendalam diperlukan bagi memastikan kajian ini dapat mencapai tujuan atau matlamatnya. Secara jelas, pengkaji mendapati bahawa kajian ini telah berjaya memberikan gambaran mengenai penggunaan ayat majmuk serta kesalahan-kesalahan yang berlaku dalam pembentukan ayat tersebut dalam kalangan penutur asing yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing di UIAM. Walaupun terdapat batasan dalam kajian ini, diharapkan dapatan yang diperoleh boleh memberikan sumbangan kepada institusi pendidikan tinggi tempatan yang menawarkan kursus bahasa Melayu sebagai bahasa asing terutama tenaga pengajar bahasa Melayu yang bakal mengajar tentang proses-proses pembentukan dan

penggunaan ayat majmuk kepada pelajar-pelajar asing di dalam kelas. Dapatan ini dianggap sangat berguna dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana aspek kelemahan pelajar asing telah dikenal pasti dan pelbagai pihak boleh mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi daerah kelemahan tersebut bagi meningkatkan penguasaan pelajar asing dalam aspek pembentukan ayat majmuk pada masa depan. Pengkaji berharap agar kajian-kajian seperti ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa untuk memberikan pendedahan lebih lanjut bagi meningkatkan dan memantapkan penguasaan aspek tatabahasa dalam kalangan pelajar asing yang sedang mengikuti kursus bahasa Melayu di negara ini.

## **RUJUKAN**

Abdullah Hassan. 2003. Tatabahasa Bahasa Melayu: Morfologi dan Sintaksis untuk Guru dan Pelajar. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Abdullah Hassan, Seri Lanang Jaya Rohani, Razali Ayob, Zulkifli Osman. 2006. Sintaksis: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Batu Caves: PTS Professional Publications Sdn. Bhd.

Arpan Shahbudin Latip. 1998. Bahasa Melayu: Kesilapan Tatabahasa Satu Analisis. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ab. Halim Mohamad. (2002). Pembelajaran frasa bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu: satu analisis kesalahan. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abd. Manaff Abd. Rahman. (2002). An error analysis of English interrogatives: a case study. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abisamra, N. (2003). An analysis of errors in arabic speakers' english writings. Diperoleh pada 20 Mac 2011 daripada <http://abisamra03.tripod.com/nada/languageacq-error analysis.html>.

Aini Haji Karim. (2007). Analisis kontrastif dan analisis kesalahan bahasa: Antara hipotesis dan realiti. Prosiding Seminar Tahunan Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik II (SETALING), 2, 212-225.

Awang Sariyan. 1980. Pencemaran Bahasa dari Perspektif Budaya. Dewan Masyarakat, jil. 18, bil. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. (1995). Pengantarabangsaan bahasa Melayu melalui institusi pendidikan tinggi: Catatan tentang pengalaman Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kongres Bahasa Melayu Sedunia: Kumpulan Kertas Kerja Jilid 1 (A-L). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Azman Che Mat dan Goh, Y.S. (2010). Situasi pembelajaran bahasa asing di institut pengajian tinggi: Perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2 (2), 9-21.
- Brown, H. D. (2000). *Principles of language learning and teaching*. New York: Longman.
- Cheun, H. H., Ho, W. C. & Hoe, F. T. (2009). A study of Mandarin sentence grammar mistake made by non-native speaker. *Proceeding Language and Culture: Creating and Fostering Global Communities*.
- Collins, J. T. (1995). Perjuangan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. *Kertas Kerja untuk Hari Sastera 1975*.
- Corder, S. P. (1967). The significance of learners' errors. Reprinted in J.C.Richards (ed.) (1974, 1984) *Error Analysis: Perspectives on Second Language Acquisition*. London: Longman, pp. 19 -27 (Originally in International Review of Applied Linguistics, 5 (4).
- Corder, S. P. (1973). *Introducing applied linguistics*. Baltimore: Penguin Education.
- Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Ellis, R. (1997). *SLA research and language teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Erdogan, V. (2005). Contribution of error analysis to foreign language teaching. *Mersin University Journal of the Faculty of Education*, 1 (2), 261-270.
- Fa izah Abd Manan, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod. (2010). Kerangka pembangunan dan penilaian modul belajar cara belajar bahasa Melayu pelajar asing institusi pengajian tinggi Malaysia. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2 (2), pp. 64-76.
- Goh, Y. S. & Ng, A. (2004). The bumiputra students' attitude in learning Mandarin at UiTM Campus Terengganu, Malaysia. *The International Colloquium on Language, Attitudes and Education in Multilingual Cities*.
- Habash, Z. A. S. (1982). Common errors in the use of English prepositions in the written work of UNRWA students at the end of the preparatory cycle in the Jerusalem area. *Tesis sarjana yang tidak diterbitkan*. Palestin: Universiti Birzeit.
- Hashim Mat Zain. (2009). *Penguasaan kata kerja bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah: satu kajian kes. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jeniri Amir. (2005). Bahasa Melayu mudah dipelajari, tetapi sukar dikuasai. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jilid 5(4).
- Juriah Long, Raja Fauzi Raja Musa, Zarin Ismail & Hamidah Yamat@Ahmad. (2001). Keperluan pendidikan bahasa Melayu di institusi pendidikan tinggi swasta. *Jurnal Pendidikan* 26, 21-36.

- Jyh, W. S. (2005). Evolusi dan evolusi semula bahasa. Dewan Bahasa. September, 17-21.
- Khan, P. (2005). An error analysis on the written English of upper secondary students in Kuala Lumpur. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lee, Chai Chuen. (2007). Analisis kesilapan sintaksis di kalangan pelajar Melayu dalam pembelajaran bahasa Mandarin . Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Lim, S. N. (2001). An error analysis of the use past tense in French by Malay students. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Loi, Chek Kim. (2001). An error analysis of English prepositions in the written work of upper secondary Malay students. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Maicusi, T., Maicusi, P. & Lopez, M.J.C. (2000). The error in the second language acquisition. Encuentro Revista de Investigacion Innovacion en la Clase de Idiomas, 11, pp. 168-173.
- Marzalina Mansor. (2004). Stail pembelajaran bahasa melayu sebagai bahasa asing di kalangan pelajar luar negara. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Md. Daud Taha. (1992). Masalah penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar Melayu di tingkatan menengah atas di negara Brunei Darussalam. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Moghimizadeh, R. P. (2008). The study of syntactic avoidance on the written production of persian university students majoring in teaching english as a foreign language. Disertasi tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Shahril Rajain. (1996). Analisis kesalahan bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelar Tingkatan Enam di sekolah menengah: satu kajian kes. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Money, J. N. J. S. (2004). Kesalahan bahasa dalam karangan murid Tamil yang mempelajari bahasa Melayu di sekolah menengah. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Muhammed Salehudin Aman. (1993). Analisis kesalahan tatabahasa bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah agama atas. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Najeeb, Z. M. (2007). An error analysis of spelling mistakes of English at Baghdad University. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim, Farid M. On, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2003). Tatabahasa dewan edisi baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

---

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood. 2009. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Asmah Abd. Aziz. (2009). Penggunaan kata hubung bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar sekolah menengah: satu analisis kesilapan. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Richards, J. C., Platt, J. T., Weber, H. & Candlin C. N. (1992). *Longman dictionary of applied linguistics*. Essex: Longman.

Saw, K. L. (1997). Kesilapan sintaksis dalam pembelajaran bahasa Mandarin di kalangan dewasa Melayu. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Soh, B. K. (1996). Frasa nama bahasa Melayu dan bahasa Mandarin: satu analisis kontrastif dan analisis kesilapan. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Supian Mohamad Noor. (1994). Analisis kesalahan penggunaan frasa kerja bahasa Melayu di kalangan pelajar tingkatan empat KBSM: satu kajian kes. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Wan Mohd Norudin Wan Kadir. 2006. *Analisis Kesilapan Tatabahasa dalam karangan Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes.* Petaling Jaya: Universiti Malaya.

Xu, J. (2008). Error theories and second language acquisition. *US-China Foreign Language*. (1) 6: 35-42.

Zainor Said. (2011). Universiti, kolej di Malaysia banyak kelebihan berbanding negara lain untuk tarik pelajar asing. Di peroleh pada 15 Mac 2011 daripada

[http://www.bharian.com.my/bharian/articles/IPTharustingkatkualiti\\_perhebatpromosidiluarne gara/Article/print\\_html](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/IPTharustingkatkualiti_perhebatpromosidiluarne gara/Article/print_html)